

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status Pembukaan Institusi Baharu (PIB) bagi SMJK Heng Ee 2, Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2020, di bawah agenda hal-hal lain telah meluluskan permohonan pembukaan institusi baharu (PIB) bagi premis SMK Heng Ee 2, Bayan Baru, Pulau Pinang dengan pentadbiran tersendiri.

Namun demikian, dengan pertukaran Kerajaan pada 1 Mac 2020, kelulusan pembukaan institusi baharu (PIB) bagi premis SMK Heng Ee 2, Bayan Baru, Pulau Pinang dengan pentadbiran tersendiri perlu mendapat pandangan dan keputusan daripada Jemaah Menteri semula.